



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

JENIS DAN GAYA RETORIK DALAM CERAMAH AGAMA

NORMAIZURA BINTI MD ZAIN

FBMK 2018 22



JENIS DAN GAYA RETORIK DALAM CERAMAH AGAMA

Oleh

NORMAIZURA BINTI MD ZAIN

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk ijazah Master Sastera**

Januari 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Syukur Alhamdulillah. Dengan izin Allah S.W.T., tesis ini berjaya menemui titisan kalimah terakhir. Selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad S.A.W.

Kajian ini didedikasikan buat:

Almarhumah Bonda (Reton) yang telah pergi menghadap Ilahi pada 18 Oktober 2017. Sesungguhnya, perjuangan ini telah sampai ke penamatnya. Walaupun tidak dapat diraikan bersama-sama, tetapi anakanda yakin, bonda di sana pasti berasa bangga. Semoga Allah S.W.T. mencucuri rahmat ke atas bonda. Amin. Jua kepada ayahanda yang sentiasa memberikan sokongan dan galakan.

Tidak dilupa kepada kalian, keluarga kecil saya, yang menjadi kekuatan untuk saya terus berjuang menyudahkan kajian. Terima kasih suami tercinta (Anuar) dan anak-anak syurga saya (Ukasyah & Ukael). Setiap kali saya lemah, kalian pasti menjadi tongkat untuk saya kembali bangun.

Seterusnya, teman-teman seperjuangan saya yang begitu mengambil berat akan perjalanan perjuangan saya. Kalian tidak pernah diam dan sentiasa menambah bara perjuangan saya supaya saya terus melangkah dan tidak berputus asa. Sesekali tidak akan pernah saya melupakan jasa baik kalian terhadap saya. Tidak sama sekali! Terima kasih Shazan Khan, Wan Fadli, Saheera, dan semuanya yang tidak disebut di sini.

Terima kasih...

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

JENIS DAN GAYA RETORIK DALAM CERAMAH AGAMA

Oleh

NORMAIZURA MD ZAIN

Januari 2018

Pengerusi: Prof. Madya Raja Masittah Binti Raja Ariffin, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti jenis retorik dan menganalisis gaya retorik dalam ceramah agama dalam *YouTube* oleh tiga orang penceramah agama popular, iaitu Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Don Daniyal. Kajian ini juga dilakukan untuk merumuskan jenis dan gaya retorik dalam ceramah agama berdasarkan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan teknik analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa retorik penceritaan adalah yang paling dominan digunakan, diikuti jenis retorik lain seperti penghujahan, pendedahan, pemujukan, pemerian, dan penerangan. Manakala, analisis dari sudut gaya pula memperlihatkan bahawa retorik pengulangan adalah yang paling banyak digunakan, diikuti aliterasi, soalan retorik, elipsis, asindeton, keseimbangan, hiperbola, anafora, dan *tricolon*. Dapatan kajian yang ketiga menjelaskan bahawa kesemua prinsip Teori Retorik Moden yang digunakan adalah sangat relevan dengan kajian. Kajian ini juga menunjukkan bahawa semua penceramah agama menggunakan semua unsur retorik yang mencerminkan kemahiran mereka untuk menarik orang ramai supaya mengikuti ceramah-ceramah mereka.

Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts.

**RHETORICAL CATEGORIES AND STYLES IN THE RELIGIOUS
SPEECHES**

By

NORMAIZURA BINTI MD ZAIN

January 2018

Chairman: Prof. Madya Raja Masittah Binti Raja Ariffin, PhD
Faculty: Bahasa Moden dan Komunikasi

This study aims to identify categories of rhetoric and to analyse rhetorical styles used in religious speeches on YouTube by three famous speakers in Malaysia, which are Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias and Ustaz Don Daniyal. This study also intends to summarise both of the elements based on Modern Rhetoric Theory by Enos and Brown (1993). This study used qualitative design specifically a content analysis. On one hand, the findings show that narrative rhetoric is the most dominant category of rhetoric used by the religious speakers followed by argumentation, disclosure, persuasion, description and explanation. On the other hand, repetition, alliteration, rhetorical question, ellipsis, asyndeton, scheme of balance, hyperbole, anaphora and tricolon are the salient rhetorical styles found in the videos. The finding also found that all the elements in the modern rhetoric theory are relevance to the present study. This proves that all elements of rhetoric are commonly used in religious speeches, which mirror the speakers' skills to attract audience to watch their videos.

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk memperoleh ijazah Master Sastera Bahasa Melayu.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Raja Masittah binti Raja Ariffin, pengerusi tesis dan Dr. Norazlina Haji Mohd Kiram, ahli jawatankuasa tesis atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan. Komitmen yang telah diberikan itu sangat berguna dan telah membuka laluan mudah bagi menyiapkan tesis ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada pemeriksa dalam dan luar, semua pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan kerana banyak memberikan teguran, pandangan, perkongsian maklumat serta idea-idea bernas. Jutaan terima kasih saya ucapkan. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, didoakan semoga sumbangan ikhlas anda diberkati Allah dunia dan akhirat.

Akhir sekali buat mak, ayah dan keluarga tersayang, segala doa restu dan dorongan kalian amat dihargai. Semoga usaha ini sentiasa diberkati Allah S.W.T. dan dapat dimanfaatkan. Sekian, terima kasih.

BERILMU BERBAKTI

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 25 Januari 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Normaizura binti Md Zain bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Jenis dan Gaya Retorik dalam Ceramah Agama" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Che Ibrahim bin Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nor Azuwan binti Yaakob, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohamad Saleeh bin Rahamad, PhD

Pensyarah Kanan
Universiti Malaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 Jun 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Norazlina binti Haji Mohd Kiram, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI RINGKASAN	xi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Pernyataan Masalah	10
1.3 Persoalan Kajian	12
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Skop Kajian	14
1.7 Definisi Operasional	15
1.7.1 Retorik	15
1.7.2 Ceramah	15
1.7.3 Agama	16
1.7.4 Ceramah Agama	17
2 SOROTAN LITERATUR	18
2.1 Pengenalan	18
2.2 Kajian Retorik terhadap Ceramah Agama	18
2.3 Kajian Retorik terhadap Genre Lain	20
2.4 Kajian Lepas yang Menggunakan Teori Retorik Moden	23
2.5 Perkaitan antara Kajian Lepas dengan Kajian Ini	23
3 METODOLOGI	24
3.1 Pengenalan	24
3.2 Reka Bentuk Kajian	24
3.3 Tatacara Kajian	25
3.3.1 Kerangka Teori	26
3.3.1.1 Teori Retorik Moden	27
3.3.2 Kerangka Konseptual	29
3.3.3 Kaedah Kajian	30
3.3.4 Bahan Kajian	31
3.4 Penganalisisan Data	32

4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	34
4.1	Pengenalan	34
4.2	Jenis Retorik dalam Ceramah Agama	34
4.2.1	Retorik Pendedahan	34
4.2.2	Retorik Penghujahan	38
4.2.3	Retorik Pemujukan	42
4.2.4	Retorik Pemerian	45
4.2.5	Retorik Penceritaan	49
4.2.6	Retorik Penerangan	54
4.3	Gaya Retorik dalam Ceramah Agama	59
4.3.1	<i>Tricolon</i>	59
4.3.2	Elipsis	62
4.3.3	Asindeton	65
4.3.4	Keseimbangan	67
4.3.4.1	Paralelisme	67
4.3.4.2	Antitesis	70
4.3.4.3	Isokolon	72
4.3.5	Hiperbola	74
4.3.6	Pengulangan	77
4.3.7	Aliterasi	79
4.3.8	Anafora	81
4.3.9	Soalan Retorik	83
4.4	Rumusan Jenis dan Gaya Retorik dalam Ceramah Agama berdasarkan Teori Retorik Moden	86
4.5	Implikasi Dapatan Kajian	87
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	89
5.1	Pengenalan	89
5.2	Rumusan	89
5.3	Cadangan	91
	BIBLIOGRAFI	93
	LAMPIRAN	101
	BIODATA PELAJAR	202
	PENERBITAN	203

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1. Kerangka Teori	26
2. Kerangka Konseptual Jenis dan Gaya Retorik Agama	29



SENARAI RINGKASAN

UAI 1	UAI – Mengapa Anak Isteri Manusia Lalai Akhirat?
UAI 2	Ustaz Azhar Idrus – Matahari Naik Sebelah Barat (Kitab Hadith 40)
UKE 1	UKE Andainya Aku Pergi Dulu – 50 Minit
UKE 2	Ustaz Kazim Elias : Aku Terima Nikahnya 1
UDD 1	Tajuk : 40 Minit Ustaz Don 28 Julai 2013 Masjid Zohir
UDD 2	Ustaz Don Daniyal Don Biyajid Di Majlis Seminar Zakat Koperasi Pada 12 April 2012 Anjuran Lembaga Zakat Selangor Dan Angkasa

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Kemahiran berucap merupakan sejenis bakat atau kemahiran yang lahir secara semula jadi dalam diri seseorang. Namun begitu, kemahiran berucap ini juga boleh dipelajari agar dapat menarik minat dan perhatian khalayak yang mendengar. Tambahan pula, kemahiran berkomunikasi ini sangat penting kepada seseorang pengucap untuk mempengaruhi orang lain. Hal ini dikenali sebagai retorik. Perbincangan mengenai retorik ini sebenarnya sudah lama berlangsung, iaitu ketika zaman Plato dan Aristotle lagi. Menurut Plato, retorik ialah seni mempesonakan jiwa, iaitu seni memenangi hati dan jiwa melalui wacana. Aristotle pula menjelaskan retorik sebagai seni memujuk dan berhujah (Raja Masittah Raja Ariffin, 2007).

Di Malaysia, kegiatan dakwah Islam giat dijalankan melalui pelbagai medium. Dakwah seperti yang dijelaskan Ab Aziz Mohd Zin, *et al.*, dalam buku ‘Dakwah Islam di Malaysia’ (2006) ialah usaha perpindahan paradigma umat manusia kepada suatu tahap yang sesuai dengan tabiat semula jadi manusia ciptaan Allah S.W.T.. Menurut Abdullah dan Ainon (2003:7), “komunikasi yang berjaya ialah komunikasi yang berkualiti”. Justeru, penceramah agama perlulah mempunyai kemahiran retorik yang tinggi untuk menarik minat khalayak. Seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, kegiatan dakwah juga turut disebarkan melalui media elektronik seperti radio, televisyen dan filem (Amida Abdulhamid, 2015). Selain itu, video dakwah juga turut dimuat naik di laman sosial seperti *YouTube* sehingga melahirkan tokoh penceramah agama popular seperti Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias, Ustaz Don Daniyal, Ustaz Haslin Baharim (Ustaz Bollywood) dan Ustaz Mohd Asri Zainul Abidin. Video-video ceramah mereka telah mencecah satu juta penonton (Themalaymailonline, 2015).

Menyedari hakikat ini, kajian ini dibuat untuk mengupas keberkesanan elemen-elemen retorik yang digunakan oleh tokoh penceramah popular tersebut memandangkan retorik merupakan elemen penting dalam ceramah, lebih-lebih lagi berbentuk keagamaan kerana berkaitan dengan pemujukan dan mampu mempengaruhi pendengar yang seterusnya membantu audiens menghayati ilmu yang disampaikan dan seterusnya meninggalkan kesan yang mendalam.

Retorik dikatakan berasal daripada bahasa Greek atau Yunani, iaitu ‘*rhetor*’ yang bermaksud pemedato. Retorik juga dijelaskan sebagai seni penggunaan bahasa yang bertujuan untuk memujuk, mempengaruhi dan meyakinkan orang dalam pertuturan atau penulisan. Retorik itu hampir sama dengan ‘*balaghah*’ dalam bahasa Arab, iaitu bererti “kemampuan melafazkan pertuturan yang menghasilkan impak kepada audiens”.

Pada Zaman Yunani dan Zaman Rom, retorik bukanlah suatu subjek yang asing kerana retorik itu merupakan antara asas pendidikan pada zaman tersebut. Seni komunikasi yang efektif ini sama ada dalam pertuturan atau penulisan telah menentukan jangka hayat intelektual Yunani dan Rom selama sembilan kurun. Seterusnya, retorik berkembang lagi sehingga menjadi teras dalam pendidikan dan kesusasteraan pada Zaman Pertengahan dan akhirnya sehingga Zaman Pembaharuan, iaitu pada abad ke-18 dan ke-19 (Amida Abdulhamid, 2015). Menurut Amida (2015), budaya Barat sendiri telah menerima pengaruh retorik selama dua ribu tahun. Terdapat tiga aspek retorik yang penting untuk diketahui, iaitu *ethos*, *logos*, dan *pathos*. Ketiga-tiga aspek ini berkekalan tahap signifikannya bermula sejak Zaman Yunani sehingga sekarang. Perkembangan retorik ini seperti yang telah disentuh, bermula sejak Zaman Yunani, tersebar hingga Zaman Rom, seterusnya Zaman Pertengahan dan Zaman Pembaharuan (Renaissance) dan sekarang Zaman Moden, retorik telah menjadi satu alat komunikasi yang penting (Amida Abdulhamid, 2015).

Menurut Amida (2015), inti pati retorik ialah bahasa. Perkataan itu pula berkait dengan bahasa. Bahasa pula bermaksud sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia antara seorang individu dengan individu yang lain, dan sebagainya. Bahasa jugalah yang menjadi medium untuk pemberi atau penyampai maklumat itu untuk menyempurnakan proses retorik (Amida AbdulHamid, 2015).

Aristotle dalam bukunya *The Rhetoric* (1355b) menerangkan retorik sebagai satu fakulti yang memerhatikan apa-apa juga keadaan di dalamnya terdapat pujukan melalui kenyataannya, “*.the faculty of observing in any given case the available means of persuasion*”. Isocrates (436-338 SM) yang merupakan pakar retorik dan ahli falsafah Yunani juga telah mengaitkan retorik sebagai sains bujukan. Hal ini jelas sekali berbeza dengan pendirian kalangan sofis yang menjelaskan retorik sebagai seni bujukan dan bukan sains bujukan. Namun begitu, Isocrates menyatakan bahawa retorik itu bersifat lebih teknikal dan berlainan dengan amalan kalangan sofis yang mengajar retorik menggunakan metodologi yang kurang berlandaskan teknik yang kurang teknikal.

Dalam satu karya dialog Plato (428-348 SM) yang bertajuk *Gorgias* menjelaskan retorik tidak mempunyai subjeknya yang tersendiri. Retorik juga berhubung rapat dengan pembujukan dan tidak berhubung rapat dengan ilmu pengetahuan. Malah dalam karya ini juga, Plato mengatakan bahawa retorik tidak dicetuskan oleh perihal moral dan boleh disalahgunakan untuk tujuan negatif. Pendapat Plato ini hampir sama dengan Isocrates, iaitu retorik itu bukan seni.

Aristotle yang merupakan anak murid Plato mempunyai pendapat yang agak bertentangan dengan gurunya. Aristotle dalam buku *Rhetorica* telah menyenaraikan pelbagai pandangan positif mengenai retorik. Antaranya ialah ciri retorik yang seiras dengan dialektik, status retorik yang setaraf dengan logik dan subjek retorik yang bersifat sejagat. Penyalahgunaan retorik itu bukanlah terletak pada retorik itu sendiri, tetapi oleh pengguna retorik yang menggunakan retorik untuk tujuan yang negatif. Di sini juga dapat dilihat bahawa Aristotle tetap menegaskan bahawa retorik itu ialah suatu seni.

Ketika Zaman Pertengahan, pendirian St. Augustine dan Cicero agak sama apabila St. Augustine mencadangkan supaya para pendakwah atau da'i perlu cekap mengajar, menghiburkan dan menggerakkan audiensnya. Perkara ini juga dipersetujui oleh Cicero yang menyatakan bahawa pemedato bertanggungjawab untuk mengajar, menghiburkan dan menggerakkan audiens sasarannya. Bidang retorik kembali meluas pada Zaman Moden dengan prosedur kepengarangan yang formal dan bersistem. Pemilihan perkataan, penyusunan ayat dan beberapa peraturan lain telah meluaskan bidang retorik yang memberikan impak mantap kepada bidang pidato, lisan dan penulisan serta menjadi lebih bermakna dalam penggunaan bahasa.

Keseluruhannya, bidang retorik ini sebenarnya telah lama dibincangkan, iaitu sejak zaman Yunani dan Rom lagi. Bidang ini telah berkembang sehingga ke hari ini kerana seni komunikasi dan seni penggunaan bahasa ini memberikan faedah dan manfaat kepada pemedato untuk memujuk, mempengaruhi dan meyakinkan orang, sama ada dalam lisan atau tulisan. Kemahiran retorik ini amat penting dan perlu dipelajari dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuklah sosial, politik, ekonomi dan agama.

Jenis Retorik

a) Retorik Pendedahan

Retorik pendedahan merupakan bentuk retorik yang mendedahkan, menampakkan sesuatu, menyingkap, memaparkan atau menunjukkan sesuatu perihal dengan jelas dan terperinci. Hal ini selaras dengan Keraf (1982: 3) yang menyatakan bahawa retorik pendedahan ialah salah satu bentuk tulisan atau retorik yang berusaha untuk menerangkan dan menghuraikan suatu perkara, yang dapat memperluas pandangan atau pengetahuan seseorang yang membaca huraian itu. Contoh petikan yang menggunakan retorik pendedahan akan ditunjukkan dalam petikan yang berikut:

Contoh:

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) tidak akan bertolak ansur dan akan mengambil tindakan tegas terhadap pembekal dan peniaga peralatan sekolah yang menaikkan harga barangan tersebut.

(Muhammad Mazlan dan Zaitul Azma, 2016: 20)

b) Retorik Penghujahan

Retorik penghujahan dapat dijelaskan sebagai penggunaan bahasa yang ringkas, padat serta bernas. Retorik ini juga dikenali sebagai pemujukan rasional atau intelek. Biasanya, retorik jenis ini digunakan dalam perbahasan, perdebatan, perbicaraan, forum dan penulisan akademik. Menurut Keraf Gorys (1989), retorik penghujahan ini merupakan

retorik yang berusaha untuk mempengaruhi sikap dan pendapat audiens supaya mereka percaya dan yakin akan kebenaran objek yang dijadikan topik. Semakin banyak fakta yang digunakan, semakin kuat kebenaran akan dicapai.

Contohnya :

SPAD tidak meluluskan sebarang struktur tambang baru bagi industri rel. Bagaimanapun, SPAD kini sedang menjalankan kajian semula yang menyeluruh ke atas struktur tambang industri rel.

(Muhammad Mazlan dan Zaitul Azma, 2016: 19)

c) Retorik Pemujukan

Retorik pemujukan atau juga dikenali sebagai retorik pengaruh lazimnya menggunakan bahasa pujukan untuk mempengaruhi pemikiran dan keyakinan orang lain agar mempercayai sesuatu perkara yang diperkatakan. Ciri retorik jenis ini menggunakan bahasa yang manis, menarik, dan mementingkan kehalusan berbahasa serta berunsurkan aspek psikologi. Retorik pemujukan merangkumi bahan-bahan murni dan hakiki yang berpotensi mempengaruhi orang lain (Taquini, 2016: 11).

Contohnya:

Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) menasihati pengguna agar tidak panik atau risau bekalan air tidak mencukupi kerana kesemua kolam pengagihan air akan dipenuhi sebelum kerja henti tugas dijalankan.

(Muhammad Mazlan dan Zaitul Azma, 2016: 16)

d) Retorik Pemerian

Retorik pemerian ialah jenis retorik yang menggunakan bahasa penjelasan atau menghuraikan sesuatu idea yang bertujuan untuk menyampaikan fakta dan maklumat yang lengkap kepada pembaca atau pendengar. Retorik jenis ini dilaksanakan secara objektif, tepat dan jelas, iaitu memberikan gambaran secara realistik (fakta yang konkrit) dan impresionistik (cetusan imaginasi). Bahasa yang digunakan juga mestilah jelas dan tersusun, iaitu mempunyai pendahuluan, huraian dan kesimpulan. Retorik jenis ini juga bersifat deskriptif (huraian) dan informatif (pemberitahuan), iaitu maklumat yang disampaikan adalah secara huraian bersertakan penjelasannya sekali. Hal ini selaras dengan pernyataan Keraf Gorys (1989) yang menyatakan bahawa retorik pemerian bersifat memberi gambaran tentang suatu hal, keadaan, tempat, peristiwa, atau tingkah laku seseorang dengan jelas sehinggakan audiens seakan-akan merasai sendiri hal yang telah digambarkan.

Contohnya :

Dia (Siti Salina) berkemban, dan kedua belah bahunya tertutup oleh tuala mandi yang kecil; rambutnya yang disimpul longgar, kusut; beberapa helai rambutnya menutupi dahinya, dan melenggang-lenggang ke sana ke mari bila ditiup angin sesekali.

(A. Samad Said, 1992: 33)

e) Retorik Penceritaan

Retorik penceritaan atau naratif merupakan satu bentuk penyampaian melalui cerita, sama ada dalam bentuk penulisan kreatif atau lisan. Wacana penceritaan yang lengkap mengandungi tema, persoalan, watak dan perwatakan, latar, plot, gaya bahasa, dan sudut pandangan. Menurut Nik Hassan Basri (2007: 145), retorik naratif ialah teknik untuk mempersembahkan garis cerita yang lebih menarik. Ciri teknik penceritaan merangkumi pendahuluan, perkembangan cerita, konflik, dan peleraian. Gaya bahasa bersifat imaginatif dan menggunakan bahasa sastera seperti imejan, perlambangan, metafora, personifikasi, dan sebagainya. Seterusnya terdapat sedikit kebebasan tatabahasa kerana tujuannya adalah untuk menyampaikan ekspresi (kebebasan).

Contohnya:

Air di baldi Hilmy kesemuanya sudah penuh, dan kain bajunya sudah di cuci. Dia mahu keluar. Di luar terdengar bunyi kereta tolak yang membawa tin-tin dan baldi-baldi sudah semakin dekat.

(A. Samad Said, 1992: 31)

f) Retorik Penerangan

Keraf (2007:3) menyatakan bahawa retorik penerangan ialah suatu bentuk wacana yang menerangkan dengan jelas tentang sesuatu perkara secara lebih mendalam dan terperinci. Retorik penerangan berfungsi untuk memberi penjelasan tentang sesuatu perkara dengan terperinci daripada satu langkah kepada satu langkah yang lain. Salah satu ciri retorik jenis ini ialah penggunaan gaya bahasa, intonasi, dan nada yang menarik. Selain itu, retorik jenis ini menggunakan bahasa formal dengan pemilihan kata yang tepat dan makna yang jelas serta bernas.

Contohnya:

“Yalah. Tapi aku harus buat atau reka yang bukan-bukan. Hah, sekarang tengok orang mulai benci kepadanya. Dan bila dia tau orang-orang benci kepada dia nanti, dia larilah akhirnya.... Sebab itulah dia tak begitu ambil berat. Cuba

nanti dah banyak orang yang bencikan dia, larilah dia,”
Zarina menerangkan.

(A. Samad Said, 1992: 203)

Gaya Retorik

Pakar retorik, Robert Scott (1999) dalam membincangkan penggunaan gaya bahasa atau stail dalam ucapan telah mengemukakan sembilan teknik yang dapat dimanfaatkan oleh pemedato dalam memilih perkataan untuk menimbulkan kesan terhadap khalayak. Antaranya ialah *tricolon*, elipsis, asindeton, keseimbangan, hiperbola, pengulangan, aliterasi, anafora, dan soalan retorik.

a) *Tricolon*

Prinsip ‘tiga’ atau ‘tricolon’ boleh disampaikan dalam bentuk perulangan kosa kata, ungkapan, frasa atau ayat. Prinsip ini sekiranya digunakan dengan tepat akan memberikan kesan yang dramatik dan mampu mengikat perenggan yang berkesan. Hal ini kerana rangkaian bertiga boleh menghasilkan rentak dan ritma. Pengucap, pemedato dan pemimpin terkemuka kebiasaannya menggunakan prinsip kumpulan bertiga kerana mereka yakin dan sedar akan kesan penggunaannya. Tambahan, telinga manusia lebih mudah tertarik dengan bunyi dan rentak yang indah. Kumpulan bertiga ini menekankan sesuatu perkara yang mudah melekat dalam ingatan khalayak. Contohnya, “*peace, justice and prosperity*” yang diucapkan oleh Presiden Indonesia Susilo Bambang Yudhoyono pada 1 Julai 2004 ketika Penutupan Masa Kempen Pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden 2004-2009. Selain itu, menurut kata-kata Abraham Lincoln menerusi *The Gettysburg Address* turut menggunakan kumpulan bertiga ini iaitu “...*of the people, by the people, for the people...*” (Wikipedia, 2017)

b) Elipsis

Elipsis merupakan pengguguran kata atau frasa yang telah dinyatakan dalam ayat sebelumnya. Keadaan ini bererti pengguguran kata atau frasa melibatkan maklumat yang telah diketahui oleh pembaca atau pendengar berdasarkan konteksnya. Hal ini selaras dengan pandangan Corbet dan Connors (1999), iaitu elipsis merupakan gaya retorik yang menggugurkan kata atau frasa yang boleh diketahui konteks oleh audiens dengan menafsirkan idea tersebut dengan senang.

Contoh 1 :

Dah berapa lama?

(A. Samad Said, 1992:23)

Contoh 2 :

Mak terlupa

(A. Samad Said, 1992:23)

Berdasarkan contoh 1, ayat “dah berapa lama?” menunjukkan pengarang sengaja menggugurkan predikat ayat tersebut, iaitu “Nahidah tinggal di sini” (Asrul Azuan, Nor Azuwan dan Nik Fazrul Azri, 2017:72). Contoh 2 pula memperlihatkan pengarang menggunakan elipsis dengan menggugurkan predikat untuk meninggalkan kesan yang lebih baik. Predikat “hendak makan ubat” yang telah digugurkan tidak menjejaskan makna ayat tersebut. Kedua-dua contoh elipsis ini mempamerkan bahawa pengguguran dalam elipsis tidak akan menjejaskan makna sesuatu ayat dan pembaca dapat memahaminya dengan jelas dan tepat. (Asrul Azuan, Nor Azuwan dan Nik Fazrul Azri, 2017:73).

c) **Asindeton**

Asindeton merupakan gaya menyambungkan frasa demi frasa, atau klausa demi klausa yang banyak untuk membentuk sebuah ayat yang padat dengan tidak menggunakan kata hubung melainkan menggunakan tanda koma sahaja, seperti yang dijelaskan oleh Keris Mas (1990 : 121). Secara ringkas, asindeton ialah ulangan tanpa kata hubung. Perhubungan kata demi kata dengan menggunakan tanda koma juga termasuk dalam asindeton.

Contohnya :

Hilmi memperhatikan Mansur, kebetulan Mansur juga sedang memperhatikannya lama, mengikut air mukanya yang serba bertukaran itu.

(A. Samad Said, 1992: 57)

d) **Keseimbangan**

Keseimbangan merujuk kepada perubahan bentuk atau susunan sesuatu perkataan secara seimbang yang menghasilkan kesan makna yang berbeza. Terdapat tiga jenis strategi dalam skema ini, iaitu paralelisme, antitesis dan isokolon.

i) **Paralelisme**

Paralelisme merupakan kesamaan struktur dalam pasangan atau siri kata-kata, frasa atau klausa yang berhubungan (Corbett dan Connors, 1999).

Contoh :

“...membiakkan anak-anak baung, temalian, kenerap, patin, jelawat, sengiring, tilan, kelah, tapah, belida dan puluhan jenis ikan-ikan lagi.”

(Hasanuddin Md Isa, 1989: 2)

ii) Antitesis

Antitesis ialah suatu tindakan mengatur seiring dengan idea-idea yang bertentangan. Gaya antitesis juga ialah gaya yang melibatkan pemakaian kata atau ungkapan yang mempunyai makna berlawanan atau bertentangan dalam satu frasa dan ayat sahaja (Umar Junus, 1989).

Contoh :

“Biar lebih ramai anak muda jantan dan betina, ibu bapa dan sesiapa sahaja...”

(Hasanuddin Md Isa, 1989: 13)

iii) Isokolon

Isokolon ialah pengulangan frasa-frasa dalam kepanjangan yang sama dan lazimnya berstruktur sejajar (Corbett dan Connors, 1999).

Contohnya:

“... terlalu baik budinya, terlalu tinggi pengorbanannya...”

(Hasanuddin Md Isa, 1989: 70)

e) **Hiperbola**

Hiperbola ialah seni melebih-lebihkan sesuatu melalui ungkapan. Hiperbola dapat digunakan untuk menggambarkan objek, idea dan lain-lain dengan memberikan tekanan secara berlebihan atau memperbesar-besarkannya. Tujuannya adalah untuk memperoleh kesan yang kuat. Kiasan ini juga turut digunakan jika hendak menegaskan sesuatu agar memberikan kesan yang diinginkan. Menurut Farahman dan Sanaz (2015:158), hiperbola boleh digunakan sebagai strategi untuk membuatkan sesuatu ungkapan atau itu berlebihan untuk menghasilkan kesan retorik. Contohnya, Susilo Bambang Yudhoyono dalam ucapannya ketika Penutupan Masa Kempen Pemilihan Presiden dan Timbalan

Presiden 2004-2009 ada menyebut, “Rakyat berteriak dan mengharapkan perubahan...” dan “di semua tempat... di semua forum... saya bertemu rakyat. Rakyat sebagai pemegang kedaulatan, penentu masa depan”. Hal ini menunjukkan bahawa beliau mahu menyampaikan betapa rakyat mahukan perubahan sehingga berteriak seterusnya bahawa beliau mempunyai kredibiliti seorang pemimpin dan mengakui segala tanggungjawab sebagai pemimpin itu dilaksanakan sebaik-baiknya. Selebihnya, diserahkan kepada rakyat untuk memilih.

f) Pengulangan

Teknik pengulangan digunakan untuk tujuan penegasan dan menimbulkan kesan keindahan serta membantu audiens supaya lebih mudah memahami dan mengingati perkara yang disampaikan oleh pengucap. Perulangan terhadap kata kunci, klausa, atau ungkapan dan frasa menimbulkan ritma, kuasa dan ingatan terhadap teks dan mesej yang disampaikan (Grice dan Skinner 2001; Beebe dan Beebe 2003). Jeniri Amir (2013) mengatakan bahawa gaya pengulangan berfungsi sebagai alat untuk menegaskan sesuatu maksud dan alat untuk memperkuat hujah serta menampilkan kesan keindahan dalam sesebuah karya.

Contohnya :

Surau itu telah uzur!
...surau tua itu.
Surau tua itu sudah uzur!
...surau tua itu...

(Mohammad Fadzeli, 2006: 61)

g) Aliterasi

Aliterasi ialah penggunaan dua atau lebih perkataan yang bunyinya dalam satu baris adalah sama. Setiap kata mungkin meninggalkan kesan lembut, keras, merdu, tegas, dan sebagainya kepada audiens. Aliterasi boleh menyebabkan ayat ‘bernyanyi’ dan begitu indah didengar, tetapi janganlah pula kerana hendak menimbulkan kesan bunyi yang indah, ayat menjadi berjela-jela sehingga lidah pembacanya berbelit-belit. Gorys Keraf (2002: 138) mendefinisikan aliterasi sebagai gaya bahasa yang mewujudkan perulangan konsonan yang sama. Contoh aliterasi dapat dijelaskan dalam petikan yang berikutnya:

Contoh :

kan kubenamkan dadaku
kaki kananku ke bulan
kaki kiriku ke matahari
kan kuhanyutkan hatiku

(Latiff Mohidin, 2009: 2)

h) Anafora

Anafora boleh dijelaskan sebagai gaya pengulangan perkataan yang sama sifatnya pada permulaan klausa yang seterusnya (Corbett & Connors, 1999). Gaya perulangan ini mengulang satu perkataan atau frasa pada awal ayat secara berurutan, sehingga menimbulkan kesan ritma dan keindahan tertentu apabila dibaca atau disampaikan.

Contohnya :

“...lebih baik, lebih mendekati prinsip ekonomi pasaran, lebih meyakinkan dengan pengurusan yang cekap, lebih bersih daripada kebocoran, ketirisan dan rasuah. Lebih menghormati *rule of law* dan negara hukum.”

(Jeniri Amir, 2008: 90)

i) Soalan retorik

Soalan retorik merupakan satu teknik apabila pendebat mengemukakan soalan kepada audiens bukan dengan tujuan untuk dijawab, tetapi merangsang fikiran atau mencabar mereka tentang persoalan yang diperkatakan. Kesannya kadangkala lebih hebat daripada soalan yang diberikan jawapan. Hal ini dilihat bertepatan dengan Effendy Ahmadi (2004: 82), yang menyatakan bahawa soalan retorik ialah soalan yang dikemukakan bukan bertujuan untuk menyoal atau mendapatkan jawapan, sebaliknya untuk menegaskan atau menyangkal sesuatu hal secara tidak langsung.

Contoh :

“Jadi, saudara, saya cuma hendak sebutkan begini, mengapa gunakan media termasuk media rasmi sebagai alat memutarbelitkan kenyataan kita? Kenyataan kita ialah mengapa kenaikan yang begitu mendadak dan membebankan? Dan mengapa kita tidak boleh mengurus sumber khazanah yang kita miliki untuk meringankan beban rakyat dan memajukan pertumbuhan ekonomi dengan meyakinkan?”

(Jeniri Amir, 2008: 88)

1.2 Pernyataan Masalah

Seseorang pendakwah atau penceramah agama yang bijak perlu mahir dalam ilmu retorik yang disusun dan diatur mengikut disiplin dan kehendak Islam (Nor Raudah Hj. Siren, 2000). Kemahiran berucap atau retorik merupakan suatu kemahiran yang boleh dipelajari. Hal ini dipersetujui oleh Rahmat (2000) dan Awang Sariyan (2006) yang mengatakan bahawa kemahiran berucap ialah suatu kemahiran yang boleh dipelajari

walaupun ada juga individu yang mempunyai bakat atau kebolehan semula jadi. Retorik penting untuk kajian ini disebabkan oleh dua faktor, iaitu “retorik membantu dalam menghuraikan atau menyampaikan pendapat, pemikiran, tanggapan, idea, saranan atau perasaan dan retorik memainkan peranan penting dalam mendukung fungsi sesuatu bahasa” (Lanham, 1991 & Asrul Azuan, Nor Azuwan dan Nik Fazrul Azri, 2017: 61). Hal ini bermakna sesuatu pengucapan itu tidak akan dapat disampaikan dengan berkesan tanpa retorik, khasnya ceramah agama yang merupakan sebahagian daripada pendekatan dakwah.

Proses membangunkan usaha dakwah seharusnya seiring dengan perkembangan teknologi agar umat Islam bukan sahaja cakna ilmu ukhrawi tetapi juga ilmu duniawi (Mohd Azmi, 2009). Salah satu kesan positif penggunaan teknologi ialah dapat menyampaikan maklumat dengan lebih pantas dan menjadikan seseorang itu terkenal dalam sekelip mata. Kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi, contohnya penggunaan *YouTube* dan media sosial yang lain telah memudahkan aktiviti dakwah tetapi masalahnya, tidak semua pendakwah mampu memberikan kesan yang mendalam terhadap audiens. Asrul, Nor Azuwan dan Nik Fazrul (2017) pula menyatakan ketiadaan unsur retorik dalam sesebuah penulisan atau pengucapan akan menjadikan idea, hujah atau fakta yang ditampilkan berbentuk hambar dan mendatar. Perkaitan antara kedua-dua kenyataan tokoh ini menunjukkan ceramah agama perlu mempunyai unsur retorik untuk menjadikan usaha dakwah atau penyampaian ilmu itu lebih menarik dan berkesan. Terdapat empat media sosial yang semakin tinggi penggunaannya di seluruh dunia ialah *Facebook*, *YouTube*, *Twitter*, dan *The iPhone* (Sawyer, 2011) tetapi kajian ini telah memilih *YouTube* kerana platform ini memberi ruang generasi muda beragama Islam mencari maklumat agama (Norizah Aripin et al., 2016).

Permasalahan yang timbul untuk sesetengah pendakwah adalah kurang berupaya menggunakan kemahiran komunikasi yang berkesan untuk menarik perhatian audiens, terutamanya golongan muda. Hal ini selari dengan kenyataan bahawa ceramah umum dan ceramah agama kurang diminati oleh golongan muda kerana kupasan isu dibuat terlalu lama sehingga membuatkan audiens berasa bosan (Fandi, 2013). Fandi juga menyarankan agar penceramah agama menerapkan unsur retorik dalam ceramah mereka kerana retorik boleh memotivasikan audiens untuk mengamalkan nasihat yang disarankan. Oleh itu, matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti serta memperlihatkan jenis retorik yang terdapat dalam ceramah agama yang disampaikan oleh tiga penceramah popular, iaitu Uztaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Don Daniyal dalam *YouTube*.

Selain jenis retorik, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis gaya retorik ceramah agama yang disampaikan oleh ketiga-tiga penceramah di atas dengan menggunakan Teori Retori Moden. Rahmat Ismail (2000) telah mengaitkan gaya penyampaian dengan ilmu kerana gaya yang baik sahaja akan memberi keberkesanan terhadap usaha menyampaikan ilmu. Jika gaya penyampaian itu tidak berkesan, hal ini akan menjadikan seseorang ilmuwan yang bijaksana gagal memindahkan ilmu yang dimiliki kepada audiens sasaran. Pandangan ini selari dengan Abdullah dan Ainon (2003) yang menyatakan bahawa penggunaan gaya bahasa amat penting selain memastikan ketepatan sesuatu maklumat yang ingin disampaikan. Jika tidak, sesuatu penyampaian itu akan menjadi hambar.

Permasalahan lain yang mendorong kepada kajian ini adalah untuk membetulkan tanggapan sesetengah pihak yang menganggap retorik itu sebagai satu perkara yang negatif. Saifullizan Yahaya (2006) dalam temu bual bertajuk, 'Retorik sebagai Alat Berbahasa', Awang Sariyan bersetuju dengan pernyataan ini dengan mengatakan bahawa ada sesetengah pihak menganggap retorik sebagai alat untuk mengabui mata orang, dengan gaya penyampaian yang muluk-muluk atau yang indah-indah sahaja, tetapi mengandungi sesuatu yang tidak jujur dan tidak ikhlas. Tokoh retorik, iaitu Quintilian dalam bukunya yang berjudul *Institutio Orataria* (sekitar tahun 95 Masihi) telah menyenaraikan segala aspek retorik termasuk persediaan awal sebagai pemedato. Menurut beliau, pemedato mestilah mahir menggunakan bahasa dan segala ilmu bantu dan tidak hanya bertumpu kepada stilistik dan gaya penyampaian. Hal ini secara tidak langsung bertepatan dengan Adenan Ayob, Mohd Rashid Idris dan Mohd Ra'in Shaari (2010:30) yang menyatakan bahawa sekiranya ungkapan yang dilontarkan tidak mempunyai sebarang idea, maka ungkapan tersebut dikenali sebagai retorik kosong.

Ceramah agama untuk tujuan dakwah lazimnya, mempunyai matlamat yang murni dan mulia, iaitu untuk menyampaikan maklumat untuk mendorong perubahan nilai, sikap dan tingkah laku orang lain di sekeliling dai berkenaan (Abdullah Hassan, 2002:16). Kebiasaannya, retorik dikaitkan dengan ceramah politik. Ahli politik pula seringkali menabur janji kosong semata-mata untuk meraih undi dan sokongan masyarakat. Maka kajian ini mengaitkan retorik dengan ceramah agama agar mampu mengubah tanggapan bahawa retorik itu sekadar cakap kosong dan tidak mempunyai kebenaran. Menurut Awang Sariyan (Saifullizan Yahaya, 2006), Hudson juga pernah menyatakan bahawa retorik pada waktu-waktu tertentu telah kehilangan konotasi positif kerana salah tanggapan sesetengah pihak.

Kesemua masalah yang dibincangkan mendorong kajian jenis dan gaya retorik dalam ceramah agama dilakukan dengan menggunakan Teori Retorik Moden (Enos dan Brown, 1993). Hal ini sekali gus akan menjelaskan kepentingan Teori Retorik Moden terhadap jenis dan gaya retorik dalam ceramah agama.

1.3 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan telah dibangunkan iaitu:

- i. Apakah jenis retorik yang terdapat dalam ceramah agama menggunakan Teori Retorik Moden?
- ii. Apakah gaya retorik yang digunakan dalam ceramah agama menggunakan Teori Retorik Moden?
- iii. Apakah kepentingan penggunaan Teori Retorik Moden terhadap jenis dan gaya retorik dalam ceramah agama?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti jenis retorik yang terdapat dalam ceramah agama dengan menggunakan Teori Retorik Moden.
- ii. Menganalisis gaya retorik dalam ceramah agama dengan menggunakan Teori Retorik Moden.
- iii. Merumuskan jenis dan gaya retorik dalam ceramah agama berdasarkan Teori Retorik Moden.

1.5 Kepentingan Kajian

Berdasarkan ulasan dan pernyataan yang diberikan, dapat dirumuskan bahawa kajian ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Retorik seperti yang dirumuskan oleh Raja Masittah Raja Ariffin (2007) merupakan alat yang berkuasa dan sebagai seni menggunakan bahasa memujuk dalam pengucapan yang baik untuk mengemukakan pengalaman dan berkomunikasi dengan orang lain, di samping menggunakan simbol tertentu untuk menjalankan kegiatan dan penggunaan strategi komunikasi, lisan mahupun tulisan untuk mencapai matlamat tertentu. Kepentingan dan kemahiran retorik ini sangat diperlukan dalam menyampaikan sebarang bentuk komunikasi, iaitu dengan tujuan memujuk dan mempengaruhi audiens. Penggunaan kata yang berkesan akan mampu mengubah persepsi audiens.

Kajian ini dilakukan selaras dengan kepentingan retorik kepada penceramah agama, iaitu mampu memberikan pengetahuan kepada seseorang penceramah tentang penggunaan retorik. Dapatan kajian ini akan menggariskan ciri retorik yang mengasyikkan sebagai garis panduan dalam usaha memujuk dan mempengaruhi khalayak. Penguasaan kemahiran retorik ini akan memudahkan tugas seseorang penceramah itu untuk menarik minat dan perhatian audiens, khususnya golongan muda dalam mendekati diri dengan ajaran Islam. Malahan, audiens juga akan mendapat manfaat yang sama, iaitu apabila ceramah yang disampaikan menarik maka sudah tentu mereka akan terus mengikuti sesuatu ceramah sehingga akhir dan mendapat ilmu pengetahuan yang secukupnya.

Kepentingan yang seterusnya adalah kepada masyarakat, iaitu masyarakat yang tidak berpeluang mengikuti ceramah agama secara langsung di mana-mana tempat atau media, akan berpeluang mengikuti ceramah agama yang berkesan dan mengasyikkan ini dalam *YouTube*. Hal ini sekali gus memberi kepentingan terhadap media sosial, seperti *YouTube* kerana bilangan pengunjung akan bertambah dari masa ke masa kerana keupayaan penceramah menggunakan retorik yang berkesan dalam setiap ceramahnya. Penggunaan dialek setempat akan merapatkan hubungan antara masyarakat dan penceramah agama. Asmah Haji Omar (1988) menyatakan bahawa bahasa dialek cepat berkembang melalui media massa. Dapatan kajian juga akan membantu agama Islam berkembang dan disebarluaskan dengan cara yang lebih berkesan serta menarik minat khalayak. Sikap dan moral yang baik dalam kalangan masyarakat akan menjana kepada pembangunan negara.

Kajian ini ialah unjuran kajian retorik yang lain, yang hasilnya dapat memberikan kefahaman kepada pelbagai pihak mengenai retorik yang telah disalah anggap sebagai alat untuk mengabui mata orang. Persepsi negatif yang wujud ini disebabkan oleh faktor politik yang harus diubah supaya konsep retorik yang sebenar mampu diterapkan dalam pemikiran masyarakat. Selain itu, kajian ini juga boleh menambah khazanah ilmu dan sebagai dorongan kepada pengkaji lain yang ingin melakukan kajian berkaitan bahasa. Hal ini seterusnya menyumbang kepada pertambahan kajian ilmiah dalam bidang sosiolinguistik. Malahan, dapatan kajian juga dapat memberikan pengetahuan tentang Teori Retorik Moden yang digunakan oleh pengkaji bahasa Melayu dan komunikasi kepada pengkaji lain yang berminat dalam penyuntingan. Hal ini kerana teori ini merentas disiplin bahasa Melayu dan disiplin komunikasi.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini dibataskan kepada beberapa batasan tertentu untuk memastikan dapatan yang diperoleh mudah dijustifikasikan dan perbincangan dapat dihuraikan dengan lebih mendalam selain mengelakkan pertindanan dan perbincangan yang tidak mendalam. Kajian ini merupakan kajian terhadap unsur retorik dengan membataskan kepada aspek yang dikaji, iaitu jenis dan gaya retorik serta kepentingan penggunaan Teori Retorik Moden terhadap jenis dan gaya retorik yang terdapat dalam ceramah agama. Kajian ini menggunakan Teori Retorik Moden untuk melahirkan pemahaman yang lebih mendalam selain mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan jenis dan gaya retorik yang terdapat dalam ceramah agama, yang menjadi landasan kajian ini.

Bahan kajian ialah ceramah agama terpilih dalam *YouTube* dari tahun 2012 hingga 2013 yang berdurasi 40 minit hingga 50 minit. Kajian ini telah memilih tiga orang penceramah terkenal, iaitu Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias, dan Ustaz Don Daniyal yang telah menjumlahkan sebanyak enam video ceramah agama. Hal ini bermaksud, dua ceramah agama untuk setiap penceramah telah dipilih untuk dianalisis. Isu-isu yang dipilih merangkumi persoalan umum. Tajuk ceramah agama yang disampaikan oleh Ustaz Azhar Idrus ialah 'Matahari Naik sebelah Barat [Kitab Hadis 40] Siri 34 – UAI' yang bilangan pelawatnya ialah 209 697 (*YouTube*, 2017) dan '[FPK - Pusingan 2] Mengapa Anak Isteri/Manusia Lalai Akhirat? | Rumusan - Ustaz Azhar Idrus' dengan bilangan pelawat ialah 196 494 (*YouTube*, 2017). Manakala tajuk ceramah agama yang disampaikan oleh Ustaz Kazim Elias ialah '49. Andainya Aku Pergi Dulu Vol 1-UKE' dengan bilangan pelawat ialah 125 077 (*YouTube*, 2017) dan 'UKE-(Aku Terima Nikahnya 1)' dengan jumlah pelawatnya ialah 142 447 (*YouTube*, 2017). Seterusnya tajuk video ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Don Daniyal ialah '12042012-Ustaz Don Daniyal Don Biyajid' dengan bilangan pelawatnya ialah 27 421 dan '40 Min Ustaz Don – 28 Julai 2017 Masjid Zahir' yang ditonton oleh 30 559.

Seterusnya, kajian ini membataskan ceramah agama Islam sebagai bahan kajian. Hal ini bersesuaian dengan Perkara 3 (1) Perlembagaan memperuntukkan bahawa, "Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan." Islam diiktiraf oleh Perlembagaan sebagai agama tertinggi negara bukan sahaja disebabkan oleh faktor sejarah, yang mana Islam menjadi agama yang dominan di Semenanjung Tanah Melayu sejak kurun ke-12 lagi, tetapi juga

sebagai mengiktiraf tonggak dan kekuasaan Raja-Raja yang semuanya adalah beragama Islam sewaktu negara ini dibentuk (Malaysiakini, 2011).

1.7 Definisi Operasional

Beberapa istilah utama digunakan berulang kali dalam kajian ini. Istilah-istilah tersebut didefinisikan seperti berikut:

1.7.1 Retorik

Retorik ialah kajian tentang teknik pemakaian bahasa secara berkesan dalam penulisan atau pertuturan. Menurut Khoo Chu Pheng (2012) retorik ialah suatu aktiviti yang menggunakan pelbagai unsur untuk meningkatkan kesan bahasa dengan berdasarkan tema dan konteks. Sonja K. Foss (2004: 4) pula dalam karyanya yang bertajuk '*Rhetorical Criticism : Exploration and Practice*' menjelaskan retorik sebagai "bagaimana manusia menggunakan simbol untuk berkomunikasi." Tambah beliau lagi, retorik merangkumi simbol nondiskursif atau nonverbal di samping simbol diskursif dan verbal. Antara bentuk yang mengandungi retorik adalah seperti ucapan, esei, perbualan, puisi, novel, cerita, buku komik, rancangan televisyen, filem, kesenian, seni bina, drama, muzik, tarian, iklan, perabot, kenderaan dan pakaian. Dari segi politik, retorik dijelaskan sebagai cara pengucap memanfaatkan seni pembujukan melalui kepintaran ucapan atau ujaran (Kim Hui Lim: 2007). Seterusnya, Chen (2004: 1) menjelaskan retorik sebagai proses memilih bahasa dengan teliti mengikut fungsi atau tujuan tertentu dan menyampaikan sesuatu maklumat secara tepat, jelas dan menarik. Dalam kajian ini, retorik dimaksudkan sebagai kemahiran menggunakan bahasa yang berkesan sama ada lisan atau tulisan bertujuan untuk memujuk dan mempengaruhi audiens dengan memberikan kesan atau impak yang mendalam.

1.7.2 Ceramah

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), ceramah didefinisikan sebagai "suka bercakap-cakap, ramah, banyak bercakap". Selain itu, ceramah juga bermaksud ucapan membicarakan sesuatu perkara seperti bahasa, politik, dan lain-lain. Indra Sofwan (2013) menjelaskan ceramah sebagai pidato yang bertujuan memberikan nasihat dan petunjuk dengan ada audiens sebagai pendengar. Ceramah dapat dilakukan pada bila-bila masa sahaja, tidak ada syaratnya, tidak ada tempat khusus, tidak dibatasi dengan waktu dan sesiapa pun boleh berdakwah, iaitu dengan cara kreatif dan inovatif. Ceramah itu dapat dibahagikan kepada dua, iaitu ceramah umum dan ceramah khusus. Ceramah umum adalah untuk memberikan nasihat dan petunjuk kepada audiens sebagai pendengar, iaitu khalayaknya luas. Ceramah khusus pula bertujuan untuk memberikan nasihat kepada khalayak tertentu dan juga bersifat khusus. Contohnya, peringatan hari besar Islam seperti Isra' Mikraj, maulid Nabi Muhammad S.A.W., dan sebagainya.

Ceramah juga boleh diertikan sebagai kelompok berbicara satu arah; pembicara menyampaikan gagasannya kepada pihak lain dan tidak memerlukan reaksi sesaat dalam bentuk bicara yang berupa tanggapan atau respons (Akbar, 2015). Menurut Akbar, kebiasaannya ceramah itu dimulakan dengan pembukaan berisi ucapan selamat dan syukur, diikuti oleh isi pidato ceramah tentang hal-hal yang disampaikan dan akhir sekali bahagian penutup.

Isi pidato ceramah merupakan kegiatan dakwah Islam yang disampaikan dalam bentuk lisan. Hal ini dinyatakan oleh Amida Abdulhamid (2015), iaitu dakwah dapat dilakukan secara lisan melalui pelbagai cara seperti berceramah, berforum, menyampaikan kuliah dan bernasyid. Dakwah secara bertulis pula dilangsungkan melalui penulisan yang diterbitkan dalam bentuk risalah, majalah, akhbar, buku, kitab, dan jurnal. Selain itu, dakwah juga boleh dilakukan melalui tingkah laku, iaitu pendakwah sendiri mempunyai perilaku yang baik seperti peramah, mudah senyum, tenang, berlemah-lembut, tidak meninggi diri, tawadduk dan sayang kepada kanak-kanak (Amida Abdulhamid, 2015).

Dalam bukunya yang bertajuk 'Retorik: Yang Indah itu Bahasa', Amida (2015) ada menjelaskan perkembangan dakwah dalam media komunikasi. Perkaitannya ialah dakwah atau ceramah agama dapat disesuaikan dengan perkembangan semasa, sama ada pendakwah atau audiens boleh memuat naik video ceramah agama itu ke dalam *YouTube* supaya isi kandungannya dapat dihayati bersama. Walau apa pun bentuk media yang digunakan, objektifnya tetap sama, iaitu untuk menyampaikan maklumat yang merangkumi penjelasan tentang selok-belok hukum-hakam (agama) yang akan mengajak audiens meninggalkan hal-hal yang batil, dan seterusnya membetulkan diri, serta secara langsung menjalani kehidupan yang dapat dimanfaatkan di dunia dan di akhirat. Hal ini pernah dikemukakan oleh Abdullah Hassan (2002:16) yang mengatakan bahawa matlamat pendakwah adalah untuk mendorong perubahan nilai, sikap dan tingkah laku orang lain di sekeliling da'i (pendakwah) berkenaan.

Allah S.W.T. telah menyenaraikan tiga faktor utama dalam konsep berdakwah, iaitu kebijaksanaan (hikmah), nasihat yang baik dan penaakulan yang meyakinkan. Di sinilah peranan retorik dapat dikaitkan dengan ceramah agama. Kebiasaannya, para da'i yang bersungguh-sungguh dan jujur ketika berdakwah dapat dikesan menerusi cara atau kaedah penyampaiannya. Para da'i lazimnya akan membekalkan diri dengan hasil pemerhatian terhadap perilaku atau tindak-tanduk masyarakat. Kejengkelan ini akan menjadi satu pengisian dengan tujuan dapat memperbetul keadaan. Kadangkala, hukuman lisan atau mencela itu tidak sesuai, apatah lagi dengan nada suara yang tinggi dan marah-marah.

1.7.3 Agama

Agama boleh dijelaskan sebagai kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya, kepercayaan kepada Yang Maha Kuasa (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2013). Contoh yang selari dengan skop kajian ialah agama Islam. Definisi agama ini juga pernah dijelaskan oleh Mukti Ali (1969), iaitu agama ialah kepercayaan kepada Tuhan Yang Maha Esa dan hukum-hukum

yang diwahyukan kepada utusan-Nya untuk mencapai kebahagiaan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Seterusnya, agama juga bertujuan untuk menyatukan penganut-penganutnya, dan mengikat mereka dalam suatu ikatan yang erat sehingga membangun dan hukum-hakam agama itu dibukukan atau didewankan (Rahmat Kamaruddin, 2012). Selaras dengan itu, agama Islam dapat disimpulkan sebagai sebuah agama yang diturunkan Allah S.W.T. kepada Nabi Muhammad S.A.W. untuk menyusun dan mengatur kehidupan umat manusia dalam kesemua aspek supaya manusia dapat menghayati kehidupan yang mulia, iaitu kehidupan yang cemerlang, gemilang dan terbilang sama ada di peringkat individu atau masyarakat di dunia dan seterusnya di alam akhirat (Abd Aziz, 2009).

1.7.4 Ceramah Agama

Ceramah agama tergolong dalam ceramah yang mempunyai fungsi sosial, iaitu merujuk kepada aktiviti fahaman atau ajaran yang bertujuan membangunkan masyarakat secara damai untuk mencapai masyarakat yang dihormati (Maridah et al., 2012). Ceramah agama boleh didefinisikan sebagai ceramah yang dijalankan untuk menerangkan hal-hal yang berkaitan dengan Islam kepada sekumpulan khalayak di premis tetap seperti masjid dan surau atau premis sementara seperti di padang awam atau stadium sempena acara keagamaan. Menurut Ahmad Badrul Sani (2006), ceramah agama ialah platform penting dalam mengembangkan dan mempertahankan agama. Oleh sebab itu, ramai penceramah berjaya membuatkan audiens berasa sedih dan kembali bersemangat untuk berubah.

BIBLIOGRAFI

- A. Mukti Ali. (1969). *Etika Agama Dalam Pembentukan Kepribadian Nasional dan Pemberantasan Kemaksiatan Dari Segi Agama Islam*. Jogjakarta: Nida.
- A. Samad Said. (1992). *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- A'ishah Zaharah Ali. (2007). Retorik dalam Ucapan. *Dewan Bahasa*, Januari, 28-30.
- Ab Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Hj.Siren, Yusmini Md Yusoff & Faridah Mohd Sairi. (2006). *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abd Aziz Harjin. (2009, April). *Pengertian Dan Maksud Islam*. Dicapai pada 17 Mei 2017, daripada <http://azharjin.blogspot.my/2009/04/pengertian-dan-maksud-islam.html>.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2007). *Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamed*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2015). *Panduan Pengucapan Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2003). *Komunikasi untuk Pemimpin*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2002). *Psikologi Moden untuk Pendakwah*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Hassan Hasbullah. (1994). Retorik Kritikan: Satu Penilaian Retorikal terhadap Kritikan Sastera di Malaysia: Tumpuan pada Kassim Ahmad, A. Samad Said, Baha Zain dan Muhammad Haji Salleh. *Tesis Ijazah Sarjana Sastera*. Universiti Malaya.
- Adenan Ayob, Mohd Rashid Idris & Mohd Ra'in Shaari. (2010). *Aspek Kemahiran Berbahasa*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Adler, Ronald B. & Rodman, George. (2000). *Understanding Human Communication Edisi-7*. New York: Harcourt College Publishers.
- Ahmad Badrul Sani (2006). *Bijak Bicara Mencuit Rasa : Panduan Berbicara Umum*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Books.
- Ali Mohamed, A. (2012). Implementation of Hudud (or limits ordained by Allah for serious crimes) in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2 (3).
- Alif Firdaus Azis. (2010). *Menjadi Selebriti Melalui Youtube*. Batu Caves: PTS Professional.

- Amida Abdulhamid. (2015). *Retorik: Yang Indah Itu Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anton Moeliono. (1989). *Kembara Bahasa, Kumpulan Karangan Tersebar*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Aristotle. (1959) *The art of rhetoric*. Terj. John Henry Freese. London: William Heinemann Ltd.
- Aristotle. (1992). *Rhetoric*. New York: Oxford University Press. (terjemahan oleh George A. Kennedy)
- Asmah Haji Omar. (1984). *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Bahasa Retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1988). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1992). *Kajian Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asrul Azuan Mat Dehan & Nor Azuwan Yaakob. (2015). Teknik Retorik dalam Novel Salina Karya A. Samad Said. *International Journal Language Education and Applied Linguistic*, 49-59. Dicapai pada 20 Disember, 2015, daripada <http://ijleal.ump.edu.my/>
- Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob & Nik Fazrul Azri Nik Azis. (2017). Penerapan Retorik Gaya Skema dalam Pengkaryaan Novel Salina. *Journal of Business and Social Development*, Vol. 5 (1). 60-78.
- Astrid S. Susanto. (1987). *Komunikasi: Teori dan Praktis 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Azman Awang Pawi. (2007). Seni Akademik Lawan Seni Retorik. *Dewan Bahasa*, Januari, 19-21.
- Awang Sariyan. (2015). *Tertib Mengarang Asas Retorik untuk Pelajar dan Pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar M. Simin. (1983). *Prinsip Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beebe, S. A dan Beebe, S. J. (2003). *Public Speaking: An Audience-Centered Approach*. Boston: Allyn and Bacon
- Benoit, W. (1990). Isocrates and Aristotle on rhetoric. *Rhetoric Society Quarterly*, 20(3), 251-259.

- Bizzell, P. & Herzberg, B. (2001). *Isocrates. The Rhetorical Tradition*. Boston: St. Martin's Press.
- Bogdan, R. & Biklen, S. (1982). *Qualitative Research For Education: An Introduction To Theory And Practice*. New York: Alien and Bacon, Inc.
- Chen, D. A. (2004). *English and Chinese Rhetoric and Translation*. Beijing: Zhongguo Qingnian Chubanshe.
- Choong, Kee Foong. (2002) Analisis Strategi Retorik Sultan Omar Ali Saifuddin III tentang Isu-Isu Perlembagaan Negeri Brunei dan Rancangan Malaysia, 1959-1963. *Tesis PhD*, Universiti Malaya.
- Corbett, Edward P.J. & Connors, R. J. (1999). *Classical Rhetoric for the Modern Student (4th ed.)*. New York: Oxford University Press.
- Corbett, Edward P.J. (1982). *The Little Rhetoric and Handbook*. Glanview, Ill: Scott, Foresman.
- Corbett, Edward P.J. (1971). *Classical Rhetoric For The Modern Student. Edisi 2*. New York: Oxford University Press.
- Corbett, P. J. & Connors, R. J. (1998). *Classical Rhetoric For The Modern Student*. New York: Oxford University Press.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Creswell, J. W. (2012). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. New York: Sage publications.
- Creswell, J. W. & Maietta, R. C. (2002). Qualitative research. *Handbook of research design and social measurement*, 6, 143-184.
- Darwis Harahap. (1997) Gaya Bahasa Halus. *Pelita Bahasa*, Ogos, , 38–39.
- Deliusno. (2013). *YouTube Capai 1 Miliar Pengguna*. Dicapai pada 17 Mei 2017, daripada <http://tekno.kompas.com/read/2013/03/21/10151294/YouTube.capai.1.miliar.pengguna>
- Dori Wuwur Hendrikus. (1991). *Retorika: Terampil Berpidato, Berdiskusi, Berargumentasi, Bernegosiasi*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Dyer, G. (1982). *Advertising as Communication*. New York: Methuen and Co. Ltd.
- efeSobariah Baharum (2008). Retorik dalam Novel-novel Abdullah Hussain, *Tesis Doktor Falsafah*, Universiti Putra Malaysia.
- Effendy Ahmadi. (2004). *Retorik Peribahasa Melayu: Analisis Skema dan Trope*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Enos T. , Brown S. C. (1993). *Defining the New Rhetorics*. New York: Sage Publications.
- Eriawani Binti Mastari. (2011). *Retorik Ucapan Hadi Awang: Satu Analisis Retorik Pemujukan (Teknik Pengukuhan)*. Dicapai pada 15 Ogos 2015, daripada <http://pusuq-ariez.blogspot.my/2011/04/tugasan-retorik-pengucapan-abdul-hj-awg.html>
- Ermiey Dharlya. (2011). *Bab 3 : Rekabentuk Penyelidikan - Kajian Kuantitatif, Kualitatif dan Gabungan*. Dicapai pada 17 Mei 2017, daripada <http://www.cikgudahlia.com/2011/10/bab-3-rekabentuk-penyelidikan-kajian.html>
- Fandi Kurniawan. (2013). *Retorika Dakwah KH. Ahmad Sukino Dalam Program Pengajian Ahad Pagi di Radio MTA 107.9 FM Surakarta*. Dicapai pada 10 Mei 2015, daripada digilib.uinsuka.ac.id/11551.
- Farahman Farrokhi & Sanaz Nazemi. (2015). The Rhetoric of Newspaper Editorials. *International Journal on Studies in English Language and Literature (IJSELL)*, Vol. 3, Isu 2, 155-161.
- Fomukong, S. (2015). *Biblical Allusions, Antithetical Structures and Triads: A Stylistics-Rhetoric Appraisal of Some Speeches by Martin Luther King Junior* . *International Journal of English Linguistics*, 5(6). Dicapai pada 16 Mei 2017, daripada [file:///C:/Users/normaizura/Downloads/53621-191813-1-PB%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/normaizura/Downloads/53621-191813-1-PB%20(1).pdf)
- Foss, S. K. (2004). *Rhetorical Critism : Exploration and Practice*. Long Grove, III. : Waveland Press.
- Frank J. D' Angelo. (1975). *A Conceptual Theory of Rhetoric*. Cambridge Massachussetts: Winthrop Publisher, Inc.
- Garver, Eugene. (2009). Aristotle on the Kinds of Rhetoric. *Rhetorica: A Journal of the History of Rhetoric*, Vol. 27 No. 1, Winter 2009. 1-18
- Gary T. Hunt. (1992) *Perucapan Umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (terjemahan oleh Asiah Sarji, Mohd. Nordin Sarji)
- Gay, L.R., Geoffrey E.Mills dan Peter Airasian (2009). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. Columbus: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Gettysburg Adress. *Wikipedia*. Dicapai pada 14 November 2017, daripada https://en.wikipedia.org/wiki/Gettysburg_Address
- Grice, L.G & Skinner, J.F. (2001). *Mastering Public Speaking*. Boston: Allyn and Bacon.
- Hanson, W. E., Creswell, J. W., Clark, V. L. P., Petska, K. S., & Creswell, J. D. (2005). Mixed methods research designs in counseling psychology. *Journal of counseling psychology*, 52(2), 224.

- Hasanuddin Md Isa. (1989). *Mereka Yang Tertewas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henry Guntur Tarigan. (1985). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Indirawati Zahid. (2007). Komunikasi Berkesan Melalui Retorik Bahasa. *Dewan Bahasa*, Januari, 6-8.
- Indra Sofwan. (2013). *Pengertian Ceramah beserta Contohnya*. Dicapai pada 16 Mei 2017, daripada <http://indrasofwan.blogspot.my/2013/09/pengertian-ceramah-beserta-contohnya.html>
- Jarratt S. C. (1991). *Rereading the Sophist: Classical Rhetoric Refigured*. Carbondale and Edwardsville: Southern Illinois University Press.
- Jeniri Amir. (2006). Petua Memikat Khalayak Retorik sebagai Senjata Tajam. *Pelita Bahasa*, Januari, 13-16.
- Jeniri Amir. (2007). Strategi Retorik Susilo Bambang . *Dewan Bahasa*, Januari, 14-17.
- Jeniri Amir. (2008). Debat Anwar-Shabery: Strategi Retorik dalam Komunikasi Politik. *Prosiding Seminar Politik Malaysia*, 81-95.
- Jordan, J. E. (1975). *A Conceptual Theory of Rhetoric*. Cambridge: Publishers. Inc.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kebebasan Beragama & Sekatan Perlembagaan*. (2011) Dicapai pada 6 Mei, 2017, daripada <http://www.malaysiakini.com/letters/173450>
- Keraf Gorys. (1982). *Deskripsi dan Eksposisi*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Keraf Gorys. (1989). *Argumentasi dan Narasi*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Keraf Gorys. (2007). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama, Jakarta.
- Keris Mas. (1990). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khatijah Abdul Hamid. (2001) Wacana dalam Teks Penulisan Pertautan dalam Karangan Bahasa Melayu Berdasarkan Analisis Kohesi dan Koheren. *Dewan Bahasa*, Disember, 31-38.
- Khoo Chu Pheng. (2012). Retorik Dan Pemaparan Imej Lelaki Dalam Bahasa Iklan Majalah Men's Health, *Ijazah Sarjana*. Universiti Malaya.
- Kim, Hui Lim. (2007). *Pemikiran Retorik Barat: Sebuah Pengantar Sejarah*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Lanham, Richard A. (1991). *A Hardlist of Rhetorical Terms*. Los Angeles: University of California Press.
- Latiff Mohidin. (2009) *Sungai Mekong*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Leech, G. N. (1966). *English in Advertising: A Linguistic Study Of Advertising In Great Britain*. London: Longman.
- Leech, G. (1993). *Prinsip-prinsip Pragmatik*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.
- Maridah Alias, Siti Normaniseh Zakaria, Azmi Ayub, Faiziah Shamsudin, Abd. Rahim Ismail, & Maria Mansur. (2012). *Siri Pendidikan Guru Bahasa Melayu Kontekstual*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Md. Azrin Rosly. (2013). *Ustaz Kazim Mahu Terus Berdakwah*. Dicapai pada 13 Jun 2016 daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131130/dn_38/Ustaz-Kazim-mahu-terus-berdakwah.#ixzz5E7ohk5Qk
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2006). Aspek Gaya Bahasa dalam Teks Sastera Melayu Berunsur Islam. *Jurnal Pengajian Umum, Bil. 7*. 53-66
- Mohamad Zahir Zainudin, Roziah Omar & Mohd Fauzi Kamarudin. (2016). *Kaedah Gabungan (Mixed Methods) Dalam Kajian Pembasmian Kemiskinan Di Malaysia Dan Indonesia: Pengalaman Penyelidikan*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Mohd Azmi Mat Sah. (2009) Inovasi Pendakwahan dalam Memantapkan Pendidikan Dewasa di Malaysia. *Tesis PhD*. Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Retorik Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Dalam Laporan Media Cetak. *Jurnal Linguistik, Vol.20 (1)*. 10-25.
- Naeem Iqbal. (2013). The Rhetoric of Obama An Analysis of Rhetoric and Genre Characteristics of President Barack Obama's 2013 Inaugural Address. *Tesis Master*. University of Gothenburg.
- Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir. (2007). Kewajaran Pengajaran Komsas dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*. 5.
- Noor Husna Abd. Razak. (2011). Retorik dalam Iklan Produk Kesihatan, *Tesis Sarjana Sastera*, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Noorodzoh Hj. Siren. (2010). Penulisan Dakwah: Kajian Retorik Terhadap Teks Ucapan Dasar ABIM dan PAS. *Tesis PhD*. Universiti Malaya.
- Nor Azuwan Yaakob. (2005) Penulisan kewartawanan Melayu: kajian retorik terhadap kandungan akhbar Berita Harian (1957-1999). *Tesis PhD*. Universiti Malaya.

- Nor Raudah Hj Siren, Badlihisam Mohd Nasir & Monika@ Munirah Abd Razzak. (2015). *Penggunaan Retorik Dakwah dalam Ceramah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat di YouTube* dlm. Yusmini Md Yusoff et.al (pnyt.) *Isu- isu Semasa Media dan Dakwah*, 73-88. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam
- Nor Raudah Siren. (2000). Retorik Pengucapan Dakwah Ustaz Ismail Kamus. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 1(1), 197-205.
- Norida Berhan & Zulkifley Hamid. (2012). Retorik Gaya dalam Membentuk Karakter Bangsa. *Jurnal Linguistik*, 15, 1-16.
- Norizah Aripin, Awan Ismail, Mohd Sobhi Ishak, Nik Adzrieman Abdul Rahman, Mohd Nizho Abdul Rahman, Mot Madon & Mohd Faisal Mustafa. (2016). "YouTube" dan Generasi Muda Islam: Satu Pendekatan Kelompok Fokus Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi*, Vol. 33 (1). 1-27.
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik Naratif dalam Novel "Orang Kota Bahru". *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4 (2). 13-22.
- Rahmat Ismail. (2000). *Pidato Berpidato Seni dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Rahmat Kamaruddin. (2012). *Pengertian Agama*. Dicapai pada 17 Mei 2017, daripada <http://www.penaraka.com/2012/04/pengertian-agama.html>
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2007). Retorik Politik Kata-kata Sakti Pemujukan. *Dewan Bahasa*, Januari, 24-26.
- Raminah Sabran. (2003). Retorik Penceritaan. *Pelita Bahasa*, Julai, 42-43.
- Ramzi Othman. (2000). Penulisan Karangan Deskriptif Bahasa Melayu di Kalangan Remaja Bukan Melayu: Satu Tinjauan Retorik. *Tesis Sarjana Sastera*. Universiti Putra Malaysia.
- Rifki Akbar. (2015). *Pengertian Retorika, Pidato, Berbicara, Khutbah, Ceramah, Mengajar*. Dicapai pada 17 Mei 2017, daripada <http://rifkiakbar133.blogspot.my/2015/02/pengertian-retorika-pidato-berbicara.html>
- Rozmi Ismail. (2015). *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosial. Edisi Pertama*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Saifullizan Yahaya. (2006). Retorik sebagai Alat Berbahasa. (2006). *Pelita Bahasa*, Januari, 8-12.

- Sakthi @ Maya A/P N. Mohan Das. (2003). The Advertising Claims of Printed Face Care Advertisements. *Tesis Sarjana Sastera*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Saliza. (2008). *Retorik*. Dicapai pada 25 Mei 2014, daripada <http://seri-serodja.blogspot.com/2008/04/retorik.html>
- Samsudin A. Rahim. (1993). *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sawyer, R. (2011). *The Impact of New Social Media on Intercultural Adaptation*. Senior Honors Projects: Honors Program at the University of Rhode Island. Dicapai pada 3 Julai 2016, daripada <http://digitalcommons.uri.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1230&context=srhonorsprog>
- Sharon Crowley S., Hawhee D. (1999). *Ancient Rhetorics for Contemporary Students, 2nd ed.* Boston: Allyn and Bacon.
- Siti Aniza Kamsari. (2011). *Fenomena 30 Minit Ustaz Don*. Dicapai pada 12 Jun 2016 daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1014&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm
- Siti Saniah Abu Bakar. (2009). Retorik dalam Wacana Iklan Radio, *Tesis Doktor Falsafah*, Universiti Putra Malaysia.
- Syarifah Nor Syed Abd. Rahman, Nornajmah Najmuddin & Rosdah Omar. (2006). *Bahasa Melayu Kertas 1&2, Teks dan Rujukan Lengkap*. Shah Alam: Arahan Pendidikan.
- Taquini, R. G. (2016). The consumer-to-consumer persuasion: Application of rhetorical appeals in consumer's reviews. *Tesis Master Sains*. University of Twente.
- Umar Junus. (1989). *Stilistik Satu Pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Video Lima Ustaz Popular di YouTube Mencecah lebih 1,000,000 Penonton*. (2015). Dicapai pada Disember 26, 2016, daripada <http://www.themalaymailonline.com/print/projekmmo/berita/video-ustaz-popular-di-youtube-mencecah-1000000-juta-penonton>
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2007). Retorik dalam Jualan Langsung. *Dewan Bahasa*, Jun, 11-13.
- Zoriati Osman. (2005). Retorik Pujukan : Kajian Kes Ceramah Haji Hadi Awang. *Tesis Sarjana Sastera*, Universiti Malaya.